

## KERATAN AKHBAR

TARIKH : 5 OGOS 2025

AKHBAR : BERITA HARIAN

MUKA : 4  
SURAT

### PADU jadi rujukan laksana subsidi bersasar RON95

## PADU jadi rujukan laksana subsidi bersasar RON95

Penggunaan pertama Sistem Pangkalan Data Utara (PADU) akan menjadi rujukan pelaksanaan subsidi bersasar RON95, sementara menunggu pelaksanaannya secara menyeluruh.

Menteri Kewangan II, Datuk Seri Amir Hamzah Azizan, yang memangku tugas Menteri Ekonomi, berkata data membabitkan 30.4 juta profil individu itu akan digunakan Kementerian Kewangan (MoF) sebagai rujukan bagi melaksanakan pemberian subsidi bersasar.

"Berhubung pelaksanaan subsidi bersasar, data PADU yang akan digunakan oleh MoF bertujuan jadi rujukan kepada penerima subsidi RON95.

"Dengan ini saya rasa penggunaan pertama yang betul-betul terperinci akan digunakan. Jadi kita tunggu bila RON95 diteruskan," katanya ketika sesi soal jawab di Dewan Rakyat, semalam.

Beliau berkata demikian menjawab pertanyaan Aminolhuda Hassan (PH-Sri Gading) yang mahu Kementerian Ekonomi menyatakan perancangan terhadap PADU yang dibangunkan dan berapa jumlah data dikumpul sehingga Jun lalu.

Mengulas lanjut, Amir Hamzah berkata, sebanyak 204 agensi melaksanakan perkongsian dan berintegrasi data secara bertepatan dengan PADU.



Amir Hamzah pada sesi soal jawab di Dewan Rakyat, semalam.

(Foto BERNAMA)

Sehingga kini, katanya ada sembilan permohonan daripada pelbagai agensi sudah diluluskan bagi tujuan meningkatkan kecekapan dan keberkesanan dasar serta inovasi pendigitalan perkhidmatan.

Sementara itu, mengenai skim Beli Sekarang Bayar Kemudian (BNPL), Amir Hamzah memaklumkan, jumlah pinjaman direkodkan di bawah skim

itu setakat 30 Jun lalu adalah RM3.8 bilion, merangkumi hanya 0.2 peratus daripada jumlah keseluruhan keberhutangan isi rumah di Malaysia.

Katanya, buat masa ini, jumlah hutang yang tidak dibayar atau tertunggak di bawah BNPL adalah terkawal, iaitu RM121.8 juta atau 3.2 peratus daripada jumlah keseluruhan pinjaman melalui BNPL.